

25/09/1998

Polis akan bertindak (HL)

Faizal Fadzil; Abdul Karim Mustafa; Johnny Giles Senin
PETALING JAYA, Khamis - Polis memberi amaran akan bertindak tegas terhadap penganjur atau sesiapa yang menyertai perhimpunan haram bagi menyokong gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Amaran itu diberikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berikutan tersebarnya maklumat dalam Internet yang meminta orang ramai menghadiri satu perhimpunan besar-besaran di Dataran Merdeka, Isnin ini.

Hari itu diisytiharkan cuti umum berikutan pencapaian cemerlang atlit negara dalam Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98).

Dalam perkembangan yang sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan tegas polis menangani isu itu, termasuk menahan 14 orang termasuk Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Saya rasa polis mempunyai alasan yang baik. Selalunya ia bertujuan menjalankan soal siasat," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Mengenai kemungkinan penyokong Anwar mengadakan perhimpunan haram di masjid, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, itu memang cara mereka menyalahgunakan agama dan masjid.

Menurutnya, mereka cuba menghasut rakyat supaya memberontak bagi menjatuhkan kerajaan seperti yang berlaku di Indonesia.

"Kita kena hentikannya kalau kita bertanggungjawab. Kalau kita benarkan ia mungkin meningkat hingga menjadi pecah rumah, rogol dan sebagainya.

"Kita tak boleh nak buat apa, kalau kita kasar nanti CNBC (stesen televisyen asing) datang tunjuk gambar satu hari 15 kali," katanya. CNBC turut menghantar wakilnya pada sidang berita itu.

Dr Mahathir berkata, perhimpunan awam sememangnya diharamkan di negara ini sejak lama dahulu bukan hanya sekarang.

"Ketika Anwar melakukannya, dia melanggar undang-undang," katanya.

Perdana Menteri berkata, polis tidak begitu tegas dengan Anwar apabila mereka membenarkan beliau menganjurkan perhimpunan sedemikian.

Anwar menganjurkan perhimpunan haram secara besar-besaran di seluruh negara selepas beliau dilucutkan daripada jawatan kerajaan dan dipecat daripada Umno. Perhimpunan sedemikian diadakan di rumahnya sendiri, masjid-masjid, kawasan terbuka, termasuk di Dataran Merdeka untuk meraih simpati orang ramai.

Rahim dalam sidang akhbar juga mempertahankan tindakan tegas polis menangani rusuhan yang dicituskan penyokong Anwar di ibu negara pada Ahad dan Isnin lalu.

Menurutnya, tindakan itu diambil bagi mengelak rusuhan merebak seperti yang berlaku di negara jiran, Mei lalu.

Rahim berkata, mengikut perkiraan polis ada aspek tertentu yang mempunyai persamaan antara Malaysia dan negara jiran itu, termasuk dari segi emosi yang boleh digunakan pihak tertentu untuk mencetuskan huru-hara.

"Mahukah anda melihat keadaan yang terjadi di sana berlaku di negara ini? Kalau perkara itu berlaku di sini saya dianggap gagal dalam tugas saya," katanya sambil menegur media asing yang membuat laporan serta gambaran palsu mengenai rusuhan itu serta penahanan Anwar.

Menurutnya, Seksyen 13 Akta Polis mengamanahkan pasukan itu menegakkan undang-undang dan tindakan menangani rusuhan berkenaan dibuat bagi

mengekalkan ketenteraman awam dan kestabilan negara.

Beliau berkata, keadaan `gawat' di ibu negara berlaku disebabkan tindakan spontan sekumpulan penyokong Anwar dan bukan huru hara seperti digambarkan media asing.

"Saya rasa mereka (media asing) masih tidak berpuas hati dengan perkara itu kerana mereka mengharapkan yang lebih buruk sebagaimana yang berlaku di negara jiran dahulu.

"Apabila itu berlaku, ia akan menjadi pesta kepada wartawan asing ini membuat liputan," katanya.

Mengenai tindakan polis menahan beberapa orang yang rapat dengan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Rahim berkata, polis bertindak demikian bagi menyiasat siapa yang mendalangi rusuhan di ibu negara.

"Kita kena patahkan usaha itu dengan menahan perancangnya, di samping bagi mengetahui rancangan mereka seterusnya yang boleh mengganggu gugat keamanan negara.

"Polis terkejut dengan perkara itu, misalnya tempoh hari mereka berarak ke rumah Perdana Menteri, malah dikatakan berniat untuk membakar Seri Perdana," katanya.

Menjawab soalan mengapa ISA digunakan, beliau berkata, Seksyen 73 ISA membolehkan polis menyiasat kegiatan itu sehingga ke akar umbi kerana ia memberi tempoh siasatan sehingga 60 hari, berbanding hanya 14 hari mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

"Kalau dalam masa 60 hari itu kita dapati perkara itu hanya setakat itu, mereka yang ditahan akan dibebaskan," katanya.

Mengenai keadaan Anwar dan tempat beliau ditahan, Rahim berkata: "Beliau ada dalam tahanan kita. Beliau selamat dan sihat, jangan bimbang."

Rahim juga memberi jaminan Anwar akan didakwa sedikit masa lagi dan polis akan memberitahu bila dan di mana beliau akan didakwa.

"Beliau akan diberikan perbicaraan yang adil di mahkamah terbuka," katanya.

(END)